

Hukum Penggunaan Harta Luqatah Berasaskan Kaedah *al-Masalih al-Mursalah*
The Legal Ruling on the Use of Lost Property Based on the Principle of al-Masalih al-Mursalah

Muhamad Mu'izz Abdullah[✉], Muhammad Nawir Farhan Mahdzir, Mohammad Zaini Yahaya, Mohd Zamro Muda, Muhammad Mukhlis Muhammad Rosli
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia
Akademi Pengajian Islam Kontemporari ACIS, Cawangan Arau, Perlis

ABSTRAK

Luqatah merujuk kepada harta yang hilang daripada pemilikinya, yang tertakluk kepada ketetapan dan syarat hukum syarak yang khusus. Pada masa ini, institusi berkuasa yang bertanggungjawab menguruskan harta luqatah ialah Baitulmal, yang beroperasi di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Pemahaman tentang sejauh mana harta luqatah boleh dimanfaatkan untuk kepentingan awam adalah amat penting bagi mengelakkan salah faham terhadap peranan Baitulmal. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis hukum syarak mengenai penggunaan harta luqatah berdasarkan prinsip *al-masalih al-mursalah*, iaitu satu metodologi utama dalam *usul al-fiqh*. Penyelidikan kualitatif ini menggunakan pendekatan berasaskan perpustakaan dengan menganalisis kajian-kajian terdahulu, fatwa-fatwa yang dikeluarkan di Malaysia, literatur fiqh klasik dan kontemporari, laman web rasmi Baitulmal, serta Manual Pengurusan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Data yang dikumpul kemudiannya dianalisis secara deskriptif bagi memberikan pemahaman yang komprehensif mengenai isu tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa harta luqatah boleh dimanfaatkan untuk kebajikan awam. Walau bagaimanapun, sekiranya tuntutan yang sah dibuat oleh pemilik sebenar selepas tempoh yang ditetapkan, penuntut tersebut berhak untuk menerima nilai harta yang munasabah, dengan mengambil kira perbelanjaan yang telah ditanggung oleh Baitulmal.

Kat Kunci

Harta luqatah, Al-masalih al-mursalah, Baitulmal, Tata kelola, Fatwa

ABSTRACT

Luqatah is property that has gone missing from its owner, which are subject to specific legal rulings and conditions. Currently, the authoritative institution responsible for managing luqatah property is the *Baitulmal*, which operates under the jurisdiction of the State Islamic Religious Councils (SIRCs). Understanding the extent to which luqatah property can be utilised for public benefit is essential to avoid misconceptions regarding the role of *Baitulmal*. Therefore, this study aims to analyse the legal ruling on the use of luqatah property based on the principle of *al-masalih al-mursalah*, a key methodology in *usul al-fiqh* (Islamic legal theory). This qualitative research adopts a library-based approach by analysing previous studies, fatwas issued in Malaysia, classical and contemporary fiqh literature, official *Baitulmal* websites, and the Management Manual of the Department of Waqf, Zakat, and Hajj (JAWHAR). The collected data were then analysed descriptively to provide a comprehensive understanding of the issue. The findings reveal that luqatah property may be utilised for public welfare. However, if a valid claim is made by the rightful owner after the prescribed period, the claimant is entitled to receive a reasonable value of the property, taking into account the expenses incurred by *Baitulmal*.

Keywords

luqatah property, al-masalih al-mursalah, Baitulmal, governance, fatwa.

Article History

Received: August 8, 2025
Revised: January 16, 2026
Accepted: April 14, 2026
Published: June 16, 2026

✉ Contact

Muhamad Mu'izz
Abdullah
(Corresponding Author)
muizz@ukm.edu.my

Citation

Muhamad Mu'izz
Abdullah, Muhammad
Nawir Farhan Mahdzir,
Mohammad Zaini
Yahaya, Mohd Zamro
Muda, Muhammad
Mukhlis Muhammad
Rosli. 2026. Hukum
Penggunaan Harta
Luqatah Berasaskan
Kaedah al-Masalih al-
Mursalah. *Journal of
Contemporary Islamic
Law*. 11(1): 23-36

Copyright

© 2026 by the
author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENGENALAN

Pengurusan harta luqatah merupakan salah satu aspek penting dalam sistem pengurusan harta Islam yang berteraskan prinsip syariah. Luqatah merujuk kepada harta yang ditemui oleh seseorang dan tidak diketahui pemiliknya. Dalam konteks pentadbiran Islam di Malaysia, harta luqatah merupakan antara bentuk harta yang diletakkan di bawah tanggungjawab baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Oleh sebab itu, pengurusannya tertakluk kepada bidang kuasa negeri masing-masing, mengikut enakmen dan fatwa yang dikeluarkan oleh negeri tersebut. Hal ini menyebabkan wujudnya kepelbagaian dalam kaedah pelaksanaan dan penguatkuasaan pengurusan harta luqatah di Malaysia.

Konsep pelaksanaan baitulmal merupakan suatu bentuk perbendaharaan seperti institusi kewangan dalam menguruskan harta orang Islam. Kuasa eksekutif berkaitan agama Islam adalah menjadi tanggungjawab MAIN seperti terkandung dalam Perlembagaan Malaysia, Jadual Kesembilan, (Perkara 74 & 77) Senarai Perundangan; Senarai II-Senarai Negeri (Pindaan Akta A1905):

“... wakaf Islam dan ta’rif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan ... zakat, fitrah dan baitulmal atau hasil agama Islam seumpamanya ...”

Bidang kuasa MAIN dalam hal ehwal agama Islam adalah melibatkan pengurusan zakat, wakaf, amanah, wasiat, nazar, penguasa wasiat, pentadbir pusaka orang Islam, pemegang amanah dan baitulmal (MAINS, 2024). Sebagai contoh, bidang kuasa baitulmal ini juga turut dikhususkan seperti dirujuk dalam Enakmen Majlis Agama Islam Negeri Sembilan Tahun 2003, Seksyen 81(2):

“Baitulmal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Baitulmal.”

Berdasarkan peruntukan dalam Seksyen 81(2) ini, mekanisme pengumpulan harta baitulmal pada masa kini semakin berkembang berbanding pelaksanaannya pada zaman Nabi SAW dan para sahabat yang memfokuskan kepada sumber *kharaj*, *jizyah*, *usyur*, *kaffarah* dan zakat sahaja. Sumber baitulmal kini meliputi wang amanah fidyah, wang tidak patuh syariah, sedekah, wasiat, sewaan, luqatah, harta pusaka (tidak berwaris atau

tidak dihabisi oleh waris), harta tidak dituntut dan sebagainya seperti yang ditentukan oleh majlis (MAIK, 2024). Semua jenis harta ini juga ditadbir oleh MAINS berdasarkan Enakmen Majlis Agama Islam Negeri Sembilan Tahun 2003, Seksyen 81(3):

“Semua wang dan harta dalam Baitulmal hendaklah terletak hak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.”

Di Malaysia, tanggungjawab terhadap pengurusan harta luqatah terletak di bawah bidang kuasa negeri melalui Majlis Agama Islam masing-masing. Sebagai contoh, di Selangor, *Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003* dengan jelas memperuntukkan bahawa harta luqatah adalah di bawah pengurusan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). MAIS bertanggungjawab dalam menerima, menyimpan, membuat hebahan, dan melupuskan harta luqatah jika tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam konteks ini, fatwa negeri menyokong bahawa penemu tidak boleh menggunakan harta tersebut sewenang-wenangnya dan wajib menyerahkannya kepada pihak berautoriti seperti Baitulmal atau masjid untuk diurus secara syarie (Ramli et al., 2014).

SOROTAN LITERATUR

Dalam fiqh Islam, harta luqatah merujuk kepada harta yang hilang daripada pemilik asal dan ditemui oleh orang lain tanpa pengetahuan siapakah pemiliknya. Ulama membahagikan harta ini kepada dua kategori utama, iaitu luqatah bukan haiwan dan luqatah haiwan (Mustafa et al., 2021).

Luqatah bukan haiwan meliputi harta bergerak seperti wang tunai, barang kemas, pakaian, makanan, dan barang peribadi lain yang mempunyai nilai. Menurut pandangan mazhab Syafi’i, individu yang menemui harta luqatah yang bernilai wajib menghebahkan penemuan itu selama satu tahun. Sekiranya tiada tuntutan daripada pemilik asal dalam tempoh tersebut, penemu boleh menggunakannya dengan syarat tertentu (Saadan et al., 2023). Bagi barang yang mudah rosak seperti makanan, para fuqaha berpandangan ia boleh dijual segera dan hasil jualan disimpan untuk pemiliknya. Jika masih tidak dituntut, hasil tersebut diserahkan kepada Baitulmal untuk manfaat umum (Ramli et al., 2014).

Luqatah haiwan pula diklasifikasikan kepada haiwan bertubuh besar seperti unta dan lembu serta haiwan bertubuh kecil seperti kambing dan ayam. Berdasarkan hadis sahih riwayat al-Bukhari, haiwan yang mampu bertahan hidup sendiri seperti unta tidak boleh ditangkap, manakala haiwan kecil yang lemah dan berisiko mati dibenarkan untuk dipelihara sehingga dituntut pemilik asal.

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَسَأَلَهُ عَنِ اللَّقْطَةِ، فَقَالَ: اعْرِفْ عِفَاصَهَا وَوِكَاءَهَا، ثُمَّ عَرِّفْهَا سَنَةً، فَإِنْ جَاءَ صَاحِبُهَا وَإِلَّا فَشَاتِنِكَ بِهَا، قَالَ: فَصَالَةَ الْعَنَمِ؟ قَالَ: هِيَ لَكَ أَوْ لِأَخِيكَ أَوْ لِلذَّئِبِ، قَالَ: فَصَالَةَ الْإِبِلِ؟ قَالَ: مَا لَكَ وَهَذَا؟! مَعَهَا سِقَاؤُهَا وَحِدَاؤُهَا، تَرُدُّ الْمَاءَ، وَتَأْكُلُ الشَّجَرَ حَتَّى يَلْقَاهَا رَجُلًا.

Maksudnya: Seorang lelaki datang kepada Rasulullah SAW lalu bertanya tentang barang yang dijumpai (luqatah). Baginda bersabda: "Kenalilah pembungkusnya dan pengikatnya, kemudian hebahkan selama setahun. Jika pemiliknya datang, serahkan kepadanya; jika tidak, maka terserahlah kepadamu mengenainya." Dia bertanya: "Bagaimana dengan kambing yang tersesat?" Baginda bersabda: "Ia milikmu, atau milik saudaramu, atau (menjadi santapan) serigala." Dia bertanya lagi: "Bagaimana dengan unta yang tersesat?" Baginda bersabda: "Apa urusanmu dengannya? Ia bersama bekas airnya dan 'kasutnya'; ia akan pergi ke sumber air dan memakan pepohonan sehingga pemiliknya menemuinya." (al-Bukhari, 1993)

Dalam konteks Malaysia, institusi seperti Baitulmal berperanan memelihara haiwan-haiwan ini dan hasil penjualannya selepas tempoh tertentu boleh digunakan untuk kepentingan umum (Saadan et al., 2023; Mustafa et al., 2021). Walaupun pelbagai kajian telah menjelaskan secara terperinci jenis-jenis harta luqatah serta pengurusannya menurut fiqh, masih terdapat kekurangan perbincangan tentang aplikasi prinsip *al-masalih al-mursalah* dalam menentukan hukum penggunaan harta tersebut, terutamanya dalam konteks ketiadaan pemilik dan keperluan semasa masyarakat. Hal ini penting kerana penggunaan harta luqatah dalam situasi tertentu mungkin menuntut kepada pertimbangan masalah umum, yang tidak dijelaskan secara literal dalam nas-nas syarak.

Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan menilai kesesuaian dan batasan-batasan penggunaan prinsip *al-masalih al-mursalah* dalam menetapkan hukum penggunaan harta luqatah, sejajar dengan maqasid syariah dan realiti semasa.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan melaksanakan kajian kepustakaan yang berbentuk analisis dokumen terhadap kajian lepas, fatwa-fatwa di Malaysia, kitab-kitab fiqh klasik dan kontemporari, laman sesawang baitulmal dan Manual Pengurusan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Data dianalisis secara deskriptif untuk memberi gambaran menyeluruh tentang kajian. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis hukum penggunaan harta luqatah berasaskan kaedah *al-masalih al-mursalah* yang merupakan salah satu dalam kaedah usul fiqh

HASIL DAN DAPATAN KAJIAN

Tatakelola Penggunaan Harta Luqatah di Baitulmal

Pengurusan sumber harta melibatkan luqatah memerlukan pendekatan yang teliti dan patuh syariah. Nabi SAW melarang sebarang bentuk pembaziran dan kesalahan dalam mentadbir harta. Penegasan Nabi SAW di dalam satu hadis:

إن الله كره لكم ثلاثاً: قيل وقال، وإضاعة المال وكثرة السؤال

Maksudnya: Sesungguhnya Allah membenci tiga perkara bagi kamu: banyak bercakap perkara yang tidak bermanfaat, membazirkan harta, dan terlalu banyak bertanya (al-Bukhari, 1993)


Justeru, kajian dan penyelidikan berterusan untuk mengenal pasti bentuk dan kaedah yang sesuai dalam pengurusan sumber-sumber harta ini wajar dilaksanakan dan dikemaskini mengikut peredaran semasa. Perlu ditekankan di sini bahawa pengurusan harta luqatah mempunyai bentuk dan kaedah pengurusan yang tersendiri. Justeru, kefahaman yang jelas mengenai konsep harta daripada perspektif syarak akan mempengaruhi cara pengurusan dan penggunaan harta-harta tersebut (Yazid Ahmad & Ibnor Azli Ibrahim, 2006).

Secara amalnya, pengurusan Baitulmal pada hari ini adalah berbeza dari segi tadbir urusnya dan kedudukannya jika dibandingkan dengan sejarah ketamadunan Islam (Jahidin et al., 2021). Menurut Yazid Ahmad & Ibnor Azli Ibrahim (2006), bentuk dan kaedah pengurusan harta dalam konteks di Malaysia perlu mengambil kira kedua-dua sistem iaitu Islam dan Sivil. Ini kerana Malaysia mengamalkan kedua-dua bentuk perundangan tersebut secara serentak. Penetapan tatacara dan garis panduan yang jelas untuk menguruskan harta luqatah adalah penting bagi memastikan pengurusan yang adil, telus, dan efisien terhadap harta-harta tersebut. Ini bukan sahaja melindungi hak-hak pemilik asal atau waris yang sah, tetapi juga memastikan bahawa harta-harta ini diurus dengan betul mengikut prinsip-prinsip syariah. Selain itu, garis panduan ini membantu mengelakkan salah urus, mengurangkan pertikaian, dan memudahkan proses pengalihan harta kepada pihak yang berhak.

Oleh demikian kajian ini akan memfokuskan kepada Manual Pengurusan Harta Luqatah bertarikh 2021 yang diterbitkan JAWHAR seterusnya melihat kepada maklumat yang disediakan dalam laman sesawang rasmi baitulmal di Malaysia mengenai perkhidmatan mal yang disediakan kepada masyarakat. Ciri-ciri mengenai harta luqatah telah diperincikan secara panjang lebar oleh para ulama terdahulu. Perbincangan ini termasuklah mengenai dalil berkaitan hukum harta luqatah, jenis-jenis harta, kuasa penjagaan, tempoh hebahan dan hukum pemilikan.

Akan tetapi, dalam konteks kontemporari perbincangan mengenai kriteria dan jenis-jenis harta luqatah semakin berkembang seperti peralatan komunikasi, kenderaan, kad kredit dan sebagainya.

Merujuk kepada Manual Pengurusan Harta Luqatah keluaran JAWHAR ini, terdapat beberapa proses dan tatakelola yang perlu dipatuhi dalam pengurusan harta luqatah seperti berikut:



Gambar Rajah 1: Prosedur dan tatakelola harta luqatah
 Sumber: Manual Pengurusan Harta Luqatah JAWHAR

Merujuk kepada Gambar Rajah 1 di atas, prosedur dan tatakelola harta luqatah bermula dengan penemuan harta, di mana orang yang menjumpai (*multaqit*) perlu menyerahkan harta luqatah tersebut kepada pihak baitulmal dengan kadar segera. Semasa penyerahan, maklumat terperinci seperti tarikh dan tempat dijumpai, butiran harta, maklumat penemu dan anggaran nilai harta perlu direkodkan dengan teliti. Setelah penyerahan dibuat, pihak baitulmal akan mendaftarkan harta luqatah tersebut dalam sistem mereka. Proses pendaftaran ini melibatkan pengeluaran resit penyerahan, membuat catatan terperinci tentang ciri-ciri harta dan mengambil gambar harta jika perlu. Harta yang diserahkan kemudiannya akan disimpan di tempat yang selamat mengikut kategori. Bagi harta bernilai tinggi seperti emas akan disimpan dalam peti keselamatan dan direkodkan dalam daftar khas, manakala wang tunai akan dimasukkan ke dalam akaun khas baitulmal (JAWHAR, 2021; Abdullah et al., 2025).

Seterusnya, pihak baitulmal kemudiannya akan mengiklankan harta jumpaan tersebut selama tempoh setahun melalui pelbagai medium seperti papan kenyataan Baitulmal, media sosial, laman web rasmi dan media massa jika perlu. Dalam tempoh menunggu tuntutan selama setahun ini, pemilik asal boleh

membuat tuntutan dengan mengemukakan bukti pemilikan dan memberi ciri-ciri tepat harta tersebut. Proses tuntutan memerlukan pemilik mengisi borang tuntutan, mengemukakan bukti pemilikan dan memberi penerangan terperinci. Pihak baitulmal akan mengesahkan kesahihan tuntutan dan membuat siasatan jika perlu. Sekiranya tiada tuntutan dibuat selepas tempoh setahun, harta tersebut akan menjadi milik baitulmal sehinggalah terdapat tuntutan daripada pemilik asal. Bagi wang tunai, ia akan dimasukkan ke dalam dana baitulmal (JAWHAR, 2021).

Dalam proses ini, penemu harta boleh diberi ganjaran berdasarkan nilai harta dan budi bicara pihak baitulmal. Sepanjang proses ini, rekod lengkap akan disimpan merangkumi status setiap harta luqatah, tuntutan yang dibuat dan pelupusan yang dilakukan. Laporan juga akan disediakan untuk tujuan pemantauan. Untuk memastikan proses ini berjalan dengan lancar dan telus, pemantauan dan audit akan dilakukan secara berkala. Ini termasuk pemeriksaan berkala, audit dalaman dan luaran serta memastikan pematuhan syariah. Penambahbaikan prosedur akan dilakukan bila perlu. Keseluruhan proses ini adalah penting untuk memastikan harta dijaga dengan amanah, memberi peluang kepada pemilik asal menuntut harta mereka, mengelakkan penyalahgunaan dan memastikan pengurusan yang telus dan profesional (JAWHAR, 2021; Abdullah et al., 2025).

Berdasarkan penelitian pada laman sesawang rasmi di setiap baitulmal di Malaysia, tidak semua baitulmal memaparkan tatacara dan garis panduan yang jelas dalam mentadbir sumber harta-harta ini. Justeru, tatacara pengurusan tersebut dapat dirujuk dalam Manual Pengurusan yang dihasilkan secara berasingan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji yang boleh dijadikan rujukan oleh semua MAIN diseluruh Malaysia (JAWHAR 2021). Senarai hebahan harta luqatah di website di 14 buah negeri di Malaysia bagi tahun 2025 dapat dirujuk seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Bil	Negeri	Maklumat hebahan di website	
		Ada	Tiada
1	Perlis	✓	
2	Kedah	✓	
3	Perak	✓	
4	Pulau Pinang	✓	

5	Selangor	✓
6	Wilayah Persekutuan	✓
7	Kelantan	✓
8	Terengganu	✓
9	Pahang	✓
10	Negeri Sembilan	✓
11	Melaka	✓
12	Johor	✓
13	Sabah	✓
14	Sarawak	✓

Merujuk kepada Jadual 1 tersebut, hanya terdapat tiga negeri iaitu Negeri Kelantan, Negeri Sembilan dan Negeri Melaka yang memaparkan maklumat harta luqatah dan proses hebahan di laman sesawang rasmi mereka. Manakala baki negeri-negeri yang lain, notis hebahan harta luqatah dibuat di premis awam berhampiran harta luqatah berkenaan ditemui atau kawasan awam yang berhampiran seperti masjid, surau, pusat membeli-belah dan lain-lain atau cara-cara lain yang difikirkan sesuai bagi tempoh setahun.

Kajian ini melihat bahawa maklumat secara terperinci mengenai harta luqatah yang dijumpai

tersebut adalah sangat penting. Diantara perkara yang perlu direkodkan adalah tarikh penemuan, tempat dijumpai harta dan maklumat harta luqatah tersebut. Ini kerana, ia akan membantu penjagaan dan pengurusan harta luqatah tersebut sehinggalah dituntut semula oleh pemilik harta tersebut (Abdullah et al., 2025).

Lanjutan daripada Jadual 1 tersebut, Jadual 2 berikut adalah maklumat hebahan harta luqatah di tiga buah negeri di Malaysia iaitu Negeri Kelantan, Negeri Sembilan dan Negeri Melaka secara terperinci yang boleh dicapai oleh orang awam daripada laman sesawang mereka.

Bil	Barangan Luqatah	Bil / Unit
1	Gelang Emas	Tiga (3)
2	Cincin Emas	Enam (6)
3	Cincin Perak	Empat (4)
4	Capping Emas	Satu (1)
5	Powerbank	Tiga (3)
6	Jam Tangan	Dua (2)
Jumlah		19 Unit

Jadual 2: Notis Hebahan pada 02 Februari 2025

Sumber: Harta luqatah di Baitulmal Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) (2025)

Bil	Tarikh	Tempat / Maklumat	Jenis Harta / Alamat
1	1990	Hamdan / Siti Aminah	Jalan Cham Show Lin, Ceras
2	2003	Centerpoint	Barang kemas (Tunai)
3	2007	SRA Pasoh 2007	Rantai Emas
4	2010	Centerpoint	Tunai
5	2010	Rashid	Indonesia
6	2015	Di Rumah	Gelang Emas (Tiruan)
7	Disember 2021	A famosa Melaka	Cincin Emas
8	2021	Tandas KWSP Seremban	Barang kemas
9	25/2/2022	Kedai Makan Warisan Puteri	Wang Tunai
10	2/5/2022	Parking Hospital HTJ	Cincin Emas
11	9/5/2022	Parking P2 Menara MAINS	Gelang Emas

12	9/5/2022	Seremban Centrepoint	Tunai
13	11/5/2022	Medan Selera Ampangan	Gelang Emas
14	12/6/2022	Parkir Bawah Mydin	Tunai
15	Jun 2022	Tasik Kenyir	Emas
16	29/6/2022	Tandas lelaki Riau Hotel Avillion	Jam
17	8/7/2022	Maybank Seremban	Tunai
18	1/8/2022	Pejabat Baitulmal Lama	Tunai
19	1/8/2022	Pejabat Baitulmal Lama	Tunai
20	2022	Mr's Gunn (Klinik Gunn)	Batu 3, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur
21	2022	Dataran Senawang	Tunai
22	2022	Deretan Kedai Taman Paroi Jaya	Barang Kemas
23	Oktober 2022	RnR Sg. Perak	Cincin Emas
24	8/7/2022	Restoran Mega Rasa	Rantai Emas (Tiruan)
25	4/1/2023	Barisan kedai	Cincin Emas
26	22/3/2023	Traffic Light Pekan Lama Nilai	Tunai
27	31/3/2023	MAINS kutipan Nilai	Gelang Emas
28	2023	Fitting Room Shopping Mall Ioi City	Rantai Emas
29	15/8/2023	Parking Mains P1	Tunai
30	17/8/2023	Kariah Kampung Gedok	Lembu (Tunai)
31	10/10/2023	Salina Saad	Kedah
32	Tiada	Kedai Kain Jalan Wilkinson Seremban	Tiada
33	Tiada	Aishah	Pulau Pinang
34	Bulan Ramadhan	Pasar Besar Seremban	Tunai
35	Tiada	Tiada	Serahan Tunai (Emas)

Jadual 3: Maklumat harta luqatah yang dijumpai bertarikh 8 Ogos 2023 dan 19 Januari 2024:
Sumber: Harta luqatah di Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)

Bil.	No. Daftar	Harta Luqatah	Lokasi Dijumpai
1	0054	Barang Kemas Wanita	Asam Pedas Aliff / Taman Kandang Mesra
2	0055	Barang Selain Emas	Hotel Hilton Kuala Lumpur (Bilik Air)
3	0056	Barang Selain Emas	Aeon Melaka Sentral

Jadual 4: Harta luqatah, Tarikh iklan 25 mac 2024 - 25 april 2025
Sumber: Harta luqatah di Baitulmal Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)

PERBINCANGAN

Hukum Penggunaan Harta Luqatah Berasaskan
Kaedah *Al-masalih Al-mursalah*Definisi *Al-masalih Al-mursalah*

Para ulama usul fiqh telah berselisih pandangan dalam merumuskan definisi *al-masalih al-mursalah*. Perbezaan ini timbul disebabkan oleh ketidaksepakatan terhadap penggunaan istilah serta pendekatan dalam memahami konsep masalah yang tidak dinyatakan secara langsung oleh syarak. Secara umum, terdapat tiga istilah utama yang digunakan oleh para ulama untuk merujuk kepada konsep ini, iaitu *al-munāsib al-mursal*, *al-istidlāl*, dan *al-maslahah al-mursalah*. Walaupun ketiga-tiganya merujuk kepada idea yang hampir sama, iaitu mengambil kira kepentingan dan manfaat umum yang tidak dinaskan secara khusus oleh syarak, namun terdapat perbezaan halus dari sudut pendekatan dan peristilahan.

Istilah pertama, iaitu *al-munāsib al-mursal*, merujuk kepada suatu bentuk masalah yang tidak dinyatakan secara eksplisit oleh syarak tetapi bersesuaian dengan maqasid atau objektif umum syariah. Dalam konteks ini, masalah yang dimaksudkan tidak disokong secara langsung oleh nas, namun juga tidak ditolak. Oleh itu, ia dianggap sebagai sesuai dan wajar digunakan dalam istinbat hukum apabila terdapat keperluan atau kepentingan awam yang jelas.

Istilah kedua, iaitu *al-istidlāl*, digunakan oleh tokoh-tokoh besar seperti Imam Ibn al-Hajib dan Imam al-Ghazali. Istilah ini membawa maksud kebergantungan kepada masalah sebagai satu bentuk dalil atau hujah dalam penetapan hukum, namun ia dilakukan tanpa adanya sokongan yang jelas daripada mana-mana nas syarak. Ini menunjukkan bahawa masalah itu dijadikan asas dalam berijtihad bagi menyelesaikan isu-isu baharu yang tidak disebut secara khusus dalam al-Quran atau hadis.

Istilah ketiga, iaitu *al-maslahah al-mursalah*, merupakan istilah yang paling meluas digunakan dalam kalangan ulama usul fiqh. Istilah ini lebih terkenal dan diterima dalam kebanyakan perbincangan *usuliyin* berbanding istilah-istilah yang lain. Para ulama mendefinisikannya sebagai setiap bentuk manfaat atau kepentingan yang termasuk dalam kerangka *maqasid al-syariah*, iaitu objektif-objektif utama yang dikehendaki oleh syarak, seperti memelihara agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta, tanpa adanya dalil syarak yang secara jelas menyokong atau menolaknya. Definisi ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Al-Buti (1973), menggambarkan bahawa masalah yang dimaksudkan adalah masalah yang sah digunakan

dalam ijtihad sekiranya ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip syariah secara umum.

Selain itu, ulama kontemporari turut memberikan definisi yang hampir serupa tetapi dengan tambahan nuansa tertentu. Sebagai contoh, Muhammad Mustafa al-Zuhaili (2006) dan Abdul Wahab Khalaf (1942) mendefinisikan masalah *al-mursalah* sebagai "*masalah yang tidak disarankan secara langsung oleh syarak untuk dicapai, dan juga tidak terdapat nas yang menolak atau menyokongnya*". Definisi ini lebih menekankan sifat neutral masalah tersebut dalam konteks dalil syarak, sekali gus memberi penekanan kepada pertimbangan rasional dan kepentingan awam dalam penetapan hukum-hukum semasa.

Kesimpulannya, walaupun terdapat perbezaan dari segi istilah dan pendekatan, namun ketiga-tiga istilah tersebut berkongsi objektif yang sama, iaitu menjadikan masalah sebagai asas penting dalam penetapan hukum apabila tiada dalil khusus. Perbezaan ini menunjukkan keluasan dan kedinamikan disiplin usul fiqh dalam menangani pelbagai isu semasa yang tidak terdapat dalam teks-teks asal syarak.

Penghujahan *Maslahah al-Mursalah*

Para ulama usul fiqh telah berselisih pandangan berkenaan penghujahan masalah *al-mursalah*, iaitu sama ada ia boleh diterima sebagai dalil syarak yang berdiri sendiri dan sumber hukum yang sah, ataupun tidak. Perselisihan ini dapat diringkaskan kepada dua pendapat utama:

Pendapat Pertama: Masalah *al-mursalah* bukan dalil syarak yang berdiri sendiri

Pendapat ini dipegang oleh mazhab al-Syafieyyāh dan al-Hanafieyyāh. Menurut pandangan ini, masalah *al-mursalah* tidak boleh dianggap sebagai dalil yang berdiri sendiri dalam syariat Islam. Mereka berhujah bahawa segala masalah dan kepentingan manusia telah pun diambil kira oleh syariat melalui dalil-dalil utama seperti al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qiyas. Maka, setiap masalah yang benar-benar diiktiraf oleh syarak pasti mempunyai asas atau sandaran daripada salah satu dalil-dalil tersebut.

Mereka juga menegaskan bahawa masalah yang tidak disokong oleh dalil syarak bukanlah masalah sebenar, sebaliknya hanyalah sangkaan atau andaian yang tidak mempunyai asas. Bahkan, jika pintu mengambil hukum hanya berasaskan kepada masalah semata-mata dibuka secara mutlak, maka ini akan membawa bahaya besar, iaitu memberi ruang kepada penguasa zalim, ahli bid'ah, dan golongan berkepentingan untuk mengambil kesempatan terhadap hukum berdasarkan kehendak dan hawa

nafsu mereka, dengan alasan bahawa ia membawa masalah. Oleh itu, dalam mazhab ini, segala usaha untuk memelihara maqasid al-syariah perlu dirujuk dan ditimbang berdasarkan dalil-dalil syarak yang muktabar. Sebarang masalah yang tidak dapat dikembalikan kepada dalil-dalil seperti kitab, sunnah, ijmak atau qiyas dianggap batal dan tidak boleh dijadikan dasar hukum.

Pendapat Kedua: Masalah al-mursal adalah dalil syarak yang berdiri sendiri

Pendapat kedua pula berpandangan bahawa *masalah al-mursal* merupakan satu bentuk dalil syarak yang sah dan berdiri sendiri, serta boleh dijadikan sumber hukum oleh para mujtahid. Pandangan ini merupakan pegangan mazhab al-Malikiyyah dan al-Hanabilah. Menurut mereka, sekiranya terdapat satu masalah yang jelas manfaatnya kepada umat Islam dan masalah tersebut tidak bercanggah dengan mana-mana nas yang qat'i atau prinsip syarak yang umum, maka ia boleh dijadikan asas dalam mengeluarkan hukum, sekalipun tiada nas khusus yang menyokongnya.

Golongan ini melihat bahawa syariah diturunkan demi menjamin maslahat manusia, dan dalam keadaan-keadaan tertentu, nas syarak mungkin tidak menjelaskan secara langsung suatu isu yang baru timbul. Maka, dalam kes-kes sebegini, *masalah al-mursal* boleh digunakan secara berdiri sendiri sebagai hujah hukum, selagi mana ia memenuhi syarat-syarat ketat, seperti tidak bertentangan dengan dalil syarak, tidak bersifat sementara atau hawa nafsu, dan memberi manfaat umum yang sejajar dengan maqasid syariah. Justeru, menurut pandangan ini, masalah al-mursal bukan sekadar pelengkap kepada dalil lain, malah boleh berperanan sebagai sumber hukum tersendiri dalam usaha menjawab keperluan zaman dan kepentingan masyarakat.

Golongan yang menerima *masalah al-mursal* sebagai dalil syarak yang berdiri sendiri berhujah bahawa masalah manusia amat banyak dan sentiasa berkembang seiring dengan perubahan zaman dan kemunculan isu-isu baharu. Kehidupan manusia tidak statik; ia sentiasa berubah mengikut keperluan, cabaran, teknologi, struktur masyarakat, serta hubungan antarabangsa. Justeru, adalah mustahil bagi nas-nas syarak yang terbatas bilangan dan lafaznya untuk menyebut secara spesifik setiap satu daripada masalah yang timbul dalam setiap zaman.

Mereka menegaskan bahawa syariat Islam pada dasarnya diturunkan untuk menjamin kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Hal ini dicapai dengan dua cara utama: iaitu menggalakkan segala bentuk manfaat (*jalb al-masālih*) dan menghalang segala bentuk kemudaratan (*dar' al-*

mafāsīd). Oleh itu, menolak masalah yang sebenar hanya kerana tiada nas khusus mengenainya akan menyebabkan tergendalnya pelaksanaan syariat dalam konteks kehidupan moden. Malah, jika masalah yang jelas dan nyata tidak diiktiraf sebagai hujah dalam ijtihad, maka hukum-hakam syarak akan kaku dan tidak mampu berfungsi dengan berkesan dalam menghadapi perkembangan semasa. Ini jelas bertentangan dengan maqasid syariah, iaitu falsafah dan tujuan utama pensyariaan Islam yang bersifat menyeluruh dan progresif.

Syarat-syarat Penerimaan *Masalah al-Mursal* Sebagai Hujah Syarak

Para ulama yang menerimanya sebagai hujah tidak menerima segala bentuk masalah secara mutlak. Mereka menetapkan tiga syarat utama yang perlu dipenuhi sebelum sesuatu masalah al-mursal boleh dijadikan asas dalam mengeluarkan hukum:

1. Masalah itu mestilah bersifat hakiki (sebenar)

Ia haruslah membawa manfaat yang nyata dan objektif, sama ada dalam bentuk memberi kebaikan atau menghindarkan keburukan kepada masyarakat. Sebaliknya, masalah yang hanya bersifat andaian, persepsi luaran atau ilusi semata-mata tidak boleh diterima. Hukum Islam tidak dibina di atas sangkaan yang tidak berasas.

2. Masalah itu mestilah bersifat umum

Maksudnya, ia memberi faedah kepada keseluruhan umat atau sekurang-kurangnya kepada sebahagian besar masyarakat. Sebaliknya, masalah yang bersifat peribadi, kelompok kecil, atau hanya menguntungkan golongan tertentu, tidak diiktiraf sebagai asas yang sah dalam pensyariaan, kerana ia berpotensi membawa kemudaratan kepada masyarakat secara keseluruhan. Syariah diturunkan bukan untuk melayani kepentingan individu, tetapi untuk mewujudkan keadilan dan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

3. Tidak Bercanggah dengan Dalil Syarak yang Qat'ie

Keputusan hukum yang dibina atas dasar masalah tersebut tidak boleh bertentangan dengan hukum syarak yang telah sabit melalui dalil yang qat'ie, sama ada daripada nas yang jelas daripada al-Quran dan al-Sunnah atau ijmak ulama yang sahih. Jika masalah yang didakwa itu bercanggah dengan hukum syarak yang tetap, maka secara automatik masalah tersebut dianggap *masalah mulghah* (maslahat yang tertolak), kerana syarak telah menolaknya secara tersurat atau

tersirat disebabkan kemudatan atau implikasi negatif yang terkandung di dalamnya.

Hal ini menunjukkan bahawa penolakan masalah oleh syarak bukanlah kerana syarak menentang masalah itu secara mutlak, tetapi kerana masalah tersebut membawa kepada mudarat yang lebih besar jika dibandingkan dengan manfaatnya. Justeru, penolakan tersebut adalah lebih rasional, berwawasan dan jauh lebih bijaksana daripada penilaian akal manusia yang terbatas Muhammad Mustafa Zuhaili (2006).

Hukum Penggunaan Harta Luqatah berdasarkan kaedah *maslahah al-mursalah*

Prinsip *maslahah al-mursalah* menjadi sangat relevan dalam menangani isu-isu kontemporari berkaitan harta luqatah kerana beberapa sebab utama. Pertama, nas-nas syarak hanya menyentuh aspek asas pengurusan luqatah seperti kewajipan hebahan selama setahun dan larangan mengambil harta orang lain tanpa izin (Al-Zuhaili, 1985). Kedua, perkembangan sosio-ekonomi masyarakat Islam kontemporari telah menghasilkan pelbagai bentuk harta luqatah yang tidak wujud pada zaman pensyariatan awal, seperti kad kredit, telefon pintar, kenderaan bermotor, dan instrumen kewangan moden. Ketiga, keperluan untuk memastikan harta-harta ini tidak terbiar tanpa manfaat kepada masyarakat menuntut pendekatan ijtihad yang dinamik dan responsif terhadap realiti semasa (al-Kafi, 2018).

Keempat, penggunaan prinsip *maslahah al-mursalah* dalam konteks luqatah selaras dengan *maqasid al-syariah* iaitu memelihara harta (hifz al-mal), di mana harta yang terbiar atau tidak dimanfaatkan adalah bertentangan dengan objektif syariah untuk menjadikan harta sebagai sarana kesejahteraan dan pembangunan masyarakat (Ibn Ashur, 2006). Dalam konteks ini, institusi Islam seperti baitulmal wajar mengambil keputusan yang membawa kemaslahatan umum melalui harta luqatah ini.

Imam al-Ghazali (1982) dalam *Ihya Ulumuddin* menyentuh satu isu penting berkaitan pengurusan harta yang tidak diketahui pemiliknya (مال ضائع فقد مالكه). Beliau menjelaskan bahawa apabila sesuatu harta hilang dan pemiliknya tidak diketahui atau tidak dapat dikesan dalam tempoh yang munasabah, maka tanggungjawab pengurusan berpindah kepada pihak berkuasa (sultan) atau pemerintah yang sah. Pihak ini berperanan sebagai wakil syarak dalam melaksanakan tadbiran maslahat awam, dan salah satu bentuk tadbir ini ialah melalui institusi Baitulmal.

Menurut Imam al-Ghazali, setiap harta yang tidak diketahui pemiliknya hendaklah disalurkan

kepada masalah seperti membantu fakir miskin, membiayai keperluan pertahanan negara seperti tentera, membina infrastruktur awam seperti jambatan atau jalan dan pelbagai keperluan umum yang lain. Beliau menegaskan bahawa apabila harta itu diserahkan kepada fakir miskin atau golongan yang berhak, maka pemilikan harta itu berpindah secara sah, dan individu tersebut berhak untuk bertransaksi dengannya. Bahkan, jika harta itu dicuri daripada tangannya, maka si pencuri akan dikenakan hukuman hudud kerana mencuri harta milik sah. Tegas imam al-Ghazali (1982):

فكيف نفذ تصرفه في ملك الغير، ليس ذلك إلا لحكمنا بأن
المصلحة تقتضي أن ينتقل الملك إليه ويحل له، فقضينا بموجب
المصلحة

“Bagaimana mungkin kita membenarkan penggunaan harta orang lain yang hilang? Tidak lain dan tidak bukan, kerana kita menetapkan bahawa masalah menuntut agar pemilikan itu berpindah kepadanya dan dihalalkan untuknya; maka kita menetapkan hukum berasaskan masalah.”

Ini menunjukkan bahawa asas pemindahan pemilikan dalam kes harta luqatah adalah bukan kerana dalil literal, tetapi berdasarkan pertimbangan *maslahah al-mursalah* yang sah di sisi syarak. Dalam konteks semasa, fungsi ini dijalankan oleh Baitulmal sebagai institusi kewangan Islam di bawah seliaan pemerintah. Maka, harta luqatah yang tidak dituntut dalam tempoh tertentu boleh dan wajar disalurkan oleh Baitulmal kepada tujuan maslahat awam.

Imam al-Ghazali turut menangani satu bantahan yang berbunyi: "Bukankah ini hanya sah dilakukan oleh sultan (pemerintah) sahaja?" Beliau menjawab bahawa benar, pemerintah tidak dibenarkan mengambil harta orang lain tanpa izin, kecuali jika terdapat alasan masalah umum yang membenarkannya. Dalam kes ini, jika harta tersebut dibiarkan tanpa pengurusan, ia akan hilang sia-sia dan tidak memberi manfaat kepada sesiapa. Maka, pemerintah berada dalam dilema antara dua perkara: sama ada membiarkan harta itu hilang tanpa faedah, atau menggunakannya untuk tujuan masalah umum. Sudah tentu pilihan yang lebih baik adalah menggunakannya untuk maslahat, kerana mengelakkan kemudatan lebih diutamakan daripada mengabaikan manfaat.

Tambahan pula, beliau menyebut bahawa pertimbangan masalah boleh berubah mengikut keadaan dan tempat, contohnya kadangkala maslahat itu menuntut agar harta tersebut digunakan untuk membina jambatan, kadangkala untuk membiayai tentera Islam, dan dalam keadaan lain pula untuk diberikan kepada fakir miskin. Maka, ijtihad

pemerintah dan fatwa para mufti dalam hal ini perlu sentiasa berpandukan maslahat semasa dan berubah mengikut keperluan masyarakat. Pandangan ini juga selari dengan pendekatan *maqasid al-syariah* dan memberikan fleksibiliti kepada penggubal dasar dan pentadbir Islam dalam menangani harta-harta yang terbiar, agar tidak mensia-siakan manfaat yang boleh dicapai daripadanya.

Ketiga-tiga syarat yang ditetapkan oleh para ulama di atas untuk penerimaan *maslahah al-mursalah* sebagai hujah syarak dapat dipenuhi dengan jelas dalam konteks pengurusan dan penggunaan harta luqatah oleh institusi baitulmal. Ini selaras dengan pandangan Imam al-Shatibi (1997) yang menegaskan bahawa *maslahah* yang sah mestilah membawa kebaikan kepada majoriti umat, bukan minoriti yang berkepentingan. Penggunaan harta luqatah untuk kemaslahatan awam memenuhi kriteria masalah hakiki kerana ia membawa manfaat yang nyata kepada masyarakat. Membiarkan harta luqatah terbiar tanpa dimanfaatkan selepas tempoh hebahan adalah satu bentuk pembaziran (*idha'ah al-mal*) yang dilarang oleh syarak.

Fatwa Berkaitan Pengurusan Harta Luqatah di Malaysia

Harta luqatah, menurut hukum Islam, merupakan harta yang dijumpai dan tidak diketahui pemiliknya. Pengurusan terhadap harta ini bukan sahaja tertakluk kepada prinsip umum fiqh, tetapi turut dipandu oleh fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh badan berautoriti sama ada di peringkat negeri di Malaysia. Fatwa memainkan peranan penting dalam menjelaskan hukum syarak terhadap pengurusan harta luqatah agar ia diurus dengan cara yang adil dan selaras dengan maqasid syariah. Penelitian terhadap fatwa-fatwa ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai kedudukan dan tanggungjawab penemu serta pihak berkuasa dalam menangani harta luqatah (Saadan et al., 2023).

Jadual 5 di bawah menunjukkan teks fatwa melibatkan harta luqatah di empat buah negeri di Malaysia iaitu Perlis, Kedah, Selangor, Wilayah Persekutuan:

Negeri	Tahun	Fatwa
Perlis	2016	Setelah diisytiharkan selama setahun yang memungkinkan orang awam mengetahuinya dan tiada tuntutan yang sah, maka harta itu boleh dipindahkan menjadi milik Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) yang digunakan untuk kemaslahatan awam. Jika ada tuntutan yang sah selepas tempoh yang ditetapkan, maka pihak yang menuntut berhak mendapatkan nilai yang bersesuaian dengan mengambil kira kos yang telah ditanggung oleh MAIPs.
Kedah	1996	Jawatankuasa setelah mengkaji dengan teliti cadangan melelong barang-barang kemas yang diserahkan kepada Baitulmal bersetuju memberi pendapatnya bahawa tiada halangan bagi Majlis Agama Islam; <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjual barang-barang kemas seperti yang disenaraikan itu dengan harga menurut nilai yang munasabah di atas anggapan bahawa tuan-tuan empunya barang itu tiada dapat dikesankan lagi dan tiada akan dituntut lagi yang mana barang-barang itu sudah menjadi sebagai “مال ضائع”. 2. Akan hasil penjualan itu permasuk kedalam Baitulmal untuk dibelanjakan kepada masalah orang Islam (مصالح المسلمين). 3. Hendaklah ada satu senarai yang kemas kini yang menerangkan dengan terperinci tiap-tiap satu barang itu tentang cincin, sifatnya, emas atau perak atau lain-lain logam. Timbangannya, nilainya dan sebagainya untuk menjadi rujukan jika ada timbul tuntutan dari mana-mana orang pada belakang hari.
Selangor	2011	Perlaksanaan pengurusan dan pelupusan Harta Luqatah adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> i. Setiap Harta Luqatah yang diterima hendaklah dilaksanakan proses hebahan selama satu tahun. Sekiranya telah tamat tempoh selama satu tahun, maka bolehlah melupuskan Harta Luqatah tersebut secara lelongan dan hasil dari lelongan itu dimasukkan ke dalam Baitulmal; ii. Harta Luqatah yang tidak mendatangkan manfaat hendaklah disimpan di tempat yang selamat; iii. Sekiranya Harta Luqatah tersebut sama ada masih kekal atau telah dilelong atau telah dicairkan, pemiliknya berhak menuntut walaupun telah tamat tempoh hebahannya. Pihak Majlis Agama Islam Selangor hendaklah

			<p>memulangkan semula sekiranya harta tersebut masih ada atau nilai barang (mengikut nilai semasa) jika telah dilelong atau dicairkan;</p> <p>iv. Pemungut atau pemegang amanah Harta Luqatah harus mengenakan caj perkhidmatan yang munasabah kepada pemilik Harta Luqatah tersebut sekiranya pemilik hadir untuk memungut harta;</p> <p>v. Harta Luqatah tersebut harus diserahkan kepada Baitulmal sebagai pemegang amanah. Adalah menjadi kewajipan menyerah kepada Baitulmal apabila tiada individu atau agensi yang sanggup menjadi pemegang amanah; dan</p> <p>vi. Harta Luqatah tersebut menjadi milik sepenuhnya kepada pemegang amanah atau pemungut untuk dimanfaatkan kepada perkara yang tidak bercangah dengan syarak dan ada kemaslahatan kepada umat Islam.</p>
			<p>Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke-99 yang bersidang pada 30 November 2016 bersamaan 30 Safar 1438H telah menimbang dan meneliti perkara ini dan mengambil maklum beberapa perkara seperti berikut:</p> <p>a) Terimaan hasil sumber am daripada Luqatah yang terkumpul dari tahun 2011 sehingga Ogos 2016 adalah berjumlah RM87,525.85. Penyelesaian hutang pihak ketiga terkumpul berjumlah RM86,221.27 dan terimaan wang tidak patuh syariah yang terkumpul adalah berjumlah RM5,395,049.50 dan jumlah keseluruhan adalah RM 5,568,796.62.</p> <p>b) Jabatan Audit Negara melalui semakan pengauditan muktamad penyata kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 yang bersidang pada 12 Julai 2016 bertempat di Imarah Wakaf MAIWP, Jalan Perak telah membuat teguran mengenai hasil terimaan ini.</p> <p>c) Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke-92 pada 7 Julai 2015 bersetuju bahawa wang yang haram dan tidak patuh syariah adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Hendaklah diserahkan kepada pemiliknya jika mampu, ii. Diagihkan untuk kemaslahatan muslimin seperti pembinaan jalan, jambatan, tandas dan sebagainya, iii. Baitulmal, iv. Disedekahkan bagi pihak tuannya. v. MAIWP mencadangkan agar perbelanjaan terimaan hasil Sumber Am ini seperti berikut : <p>(i) Digunakan untuk masalah umum umat Islam seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembinaan dan penyelenggaraan bangunan pusat perlindungan, pusat dakwah, pusat pendidikan serta masjid atau surau. 2. Kemudahan asas seperti pembinaan dewan, perhentian bas, jambatan dan lain-lain untuk kegunaan umum. <p>(ii) Diagihkan kepada golongan fakir dan miskin khususnya melalui skim-skim bantuan di Baitulmal MAIWP.</p>
Wilayah Persekutuan	2018		<p>KEPUTUSAN</p> <p>Mesyuarat telah berbincang dan mengambil keputusan seperti berikut :</p> <p>a) Wang-wang tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Baitulmal dan diagihkan untuk kegunaan umat Islam kecuali bagi pembinaan Masjid atau Surau.</p> <p>b) Wang luqatah dan terimaan penyelesaian hutang pihak ketiga hendaklah dipulangkan kepada pemiliknya sekiranya membuat tuntutan dan sabit benar atas tuntutan tersebut</p>

Jadual 5: Analisis Fatwa harta luqatah di negeri-negeri di Malaysia

Sumber: Analisis penulis

Berdasarkan Jadual 5 di atas, harta luqatah adalah amanah dan wajib dihebahkan sebelum dimiliki. Penemu wajib berusaha mencari pemiliknya dan sekiranya gagal selepas tempoh tertentu, maka bolehlah ia dimanfaatkan dengan syarat bersedia

menggantikan nilai tersebut sekiranya pemilik asal muncul pada masa hadapan. Ini sejajar dengan pandangan ulama Mazhab Syafi'i yang menjadi dominan di Malaysia, di mana penekanan diberikan kepada tempoh hebahan selama satu tahun, seperti

yang dinyatakan dalam hadis Nabi SAW dan dipraktikkan dalam amalan fatwa tempatan (Mustafa et al., 2021).

Secara keseluruhannya, fatwa-fatwa yang dikeluarkan ini menggariskan prinsip utama bahawa harta luqatah adalah harta amanah yang mesti diurus dengan penuh tanggungjawab. Hebahan wajib dilakukan, dan harta tersebut tidak boleh dimiliki atau dimanfaatkan oleh penemu tanpa mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak dan pihak berautoriti. Keseragaman fatwa dalam perkara ini dapat membantu mewujudkan sistem pengurusan luqatah yang lebih efisien, adil dan diyakini masyarakat Islam di Malaysia dan dunia Islam umumnya. Selain itu, kajian ini juga melihat perlunya garis panduan atau fatwa khusus mengenai pelaburan ke atas harta luqatah berbentuk tunai yang dijumpai di kaunter patuh syariah seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Unit Amanah. Tujuan pelaburan tersebut bagi membolehkan pertambahan harta yang dijaga untuk masalah umat Islam. Ini selaras dengan tanggungjawab pemegang amanah sebagaimana jelas dinyatakan dalam fatwa Negeri Selangor:

Harta Luqatah tersebut menjadi milik sepenuhnya kepada pemegang amanah atau pemungut untuk memanfaatkan kepada perkara yang tidak bercanggah dengan syarak dan ada kemaslahatan kepada umat Islam.

Malah, garis panduan yang jelas juga perlu ditetapkan mengenai jaminan ke atas untung/rugi di atas pelaburan tersebut, atau dituntut semula oleh pemiliknya kelak sebagaimana jelas dinyatakan:

Sekiranya Harta Luqatah tersebut sama ada masih kekal atau telah dilelong atau telah dicairkan, pemiliknya berhak menuntut walaupun telah tamat tempoh hebahannya.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini menemui terdapat jurang dalam kajian-kajian lepas di mana tiada prosedur dan pengurusan komprehensif yang menggabungkan tatacara pengurusan dan penggunaan hasil kutipan kesemua jenis harta tersebut dalam satu dokumen yang bersepadu. Ia penting bagi MAIN untuk memastikan pengurusan dan penggunaan harta-harta tersebut dilakukan secara sistematik dan telus. Dari sudut sosio-ekonomi umat Islam pula, garis panduan yang jelas dapat memastikan hasil kutipan harta-harta ini digunakan secara optimum untuk pembangunan

ummah, selaras dengan prinsip maqasid syariah dalam memelihara harta dan menjamin kemaslahatan masyarakat.

Dengan mengenal pasti garis panduan yang jelas dan terperinci, proses pengurusan harta akan menjadi lebih sistematik dan seragam, mengurangkan kekeliruan dan meningkatkan kecekapan operasi. Kaedah pengagihan yang bersesuaian berupaya memastikan pengagihan harta dapat dilakukan dengan adil serta telus mengikut hukum syarak. Ini akan memastikan hak semua pihak terpelihara, termasuk pemilik asal, pemiutang dan waris. Kaedah pengagihan yang bersesuaian akan meningkatkan efisiensi dalam proses pengagihan harta, mengurangkan masa dan kos yang terlibat.

Kajian ini mencadangkan kajian perbandingan pengurusan harta dengan agensi-agensi lain di seluruh Malaysia untuk mengenal pasti amalan terbaik yang boleh diadaptasi oleh MAIN daripada agensi-agensi lain. Hasil perbandingan ini juga akan memberikan cadangan penambahbaikan prosedur pengurusan harta sedia ada. Selain itu, perbandingan ini akan menggalakkan kerjasama antara agensi-agensi yang terlibat, membolehkan mereka berkongsi pengetahuan dan sumber untuk meningkatkan pengurusan harta secara keseluruhan. Kajian ini turut mencadangkan agar pihak berautoriti seperti JAWHAR turut menerbitkan manual pengurusan melibatkan hasil kutipan wang orang berhutang dan harta tidak dituntut. Ini bagi memudahkan Manual Pengurusan ini menjadi rujukan kepada semua MAIN di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdullah, M. M. (2023). Analisis Bayaran Cucuran Kenderaan Dalam Pentadbiran Harta Pusaka. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 9(2), 1–17.
- Abdullah, M. M., & Mat Ali, A. M. (2023). Implikasi Pindaan Akta Harta Pusaka Terhadap Pentadbiran Harta Pusaka. *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 1, 95–118.
- Abdullah, M. M., Ahmad, M. Y., Muhammad Rosli, M. M., Rozaman, Nor, A. F., Baharudin, Robbi, A. A. M., Hidir, M., & I. (2025). An Analysis Of Procedures And Management Of Muslim Property At Baitulmal. *International Journal of Advanced Research*, 7(10), 1339–1346.
- Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98]
Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (APAR 1995)
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1993) *Sahih Bukhari*. Dimashq: Darul Ibnu Kathir.
- Al-Buti, Muhammad Said Ramadan. *Dhawabit al-Maslahah*. (2005). Dar al-Fikr
- Al-Ghazali, Muhammad Bin Muhammad. (1982) *Ihya Ulumuddin*. Dar Al-Makrifah

- Al-Kafi. (2018). Hukum Mengambil Wang Yang Dijumpai Di Tepi Jalan. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2890-al-kafi-967-hukum-mengambil-wang-yang-dijumpai-di-tepi-jalan> (dilihat pada 16 Januari 2026)
- Al-Namlah, Abdul Karim bin Ali. (1999) *al-Muhazzab Fi Ilm Usul al-Fiqh al-Muqaran*. Maktabah al-Rusyd.
- Al-Nawawi, Muhyiddin bin Syaraf. (1991). *Raudhah at-Thalibin wa 'Umdah al-Muftin*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Nawawi, Muhyiddin bin Syaraf. (2005). *Minhaj al-Talibin wa 'Umdat al-Muftin*. Dar al-Minhaj.
- Al-Shatibi, I. I. (1997). *Al-Muwafaqat*. Kaherah: Dar Ibn Affan.
- Al-Zuhaili, Muhammad Mustafa. *Al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh al-Islami*. (2006). Dar al-Khair
- Al-Zuhaili, Wahbah. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. (1985). Dar al-Fikr
- Ar-Ramli, Muhamad bin Abi al-Abbas. (1984). *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Awang, I., Sarina, T., & Tengku, A. (2007). Pembudayaan Mazhab Syafi ' I Dalam Masyarakat Islam. *Jurnal Fiqh*: No.4, 157-172.
- Drs Nasrul, M. A., Mohd Alam Shah, N. A., Mohd Yusoff, R., & Md Said, M. H. (2023). Small Estates (Distribution) Act 1955 : Analysis On The 2022 Amendment and its Effects Over The Inheritance Management. *IIIUMLJ*, 31(2), 207–228.
- Enakmen Majlis Agama Islam Negeri Sembilan Tahun 2003 e-SMAF JAKIM, (2024). "Barang luqatah", <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/16061>
- Halim, A. H., Mohd Noor, N. A., & Arshad, A. (2018). Administration Of Unclaimed Estates In Malaysia: The Peculiarities Of Unclaimed Money, Undistributed Fund And Bona Vacantia. *Journal of Social Sciences Research*, 2018(Special Issue 6), 1075–1079.
- Harta Luqatah, MAIK (2025), <https://www.e-maik.my/v2/baitulmal-harta-luqatah>
- Husnaa, A., & Saifullah, M. (2020). Isu-Isu Berbangkit Dalam Pengurusan Harta Pusaka Ringkas Secara Berwasiat Dan Tidak Berwasiat Di Amanah Raya Berhad (Arb). *Journal of Shariah Law Research*, 5(2), 207–230.
- Ibn Ashur, M. T. (2006). *Treatise on Maqasid al-Shari'ah* (M. El-Tahir El-Mesawi, Trans.). London: International Institute of Islamic Thought. 1-29.
- Ibn Qudamah, Abdullah ibn Ahmad. (1997). *Al-Mughni*. Dar 'Alam al-Kutub.
- Ibnu Nujaim, Zainuddin bin Ibrahim. (t.t). *Al-Bahr ar-Raiq Syarh Kanz ad-Daqaq*, Beirut: Dar al-Makrifah.
- Jahidin, Muhammad Assyifaa Ulihat., Mat Said, Mohamad Hilmi, & AbdulKarim, Mohd Saifuddin . (2021). Baitulmal Management During The Time Of Rasulullah Saw And The Ruling Of Khulafa Ar-Rashidin. *Jurnal Al-Sirat*, 19(2), 103-111.
- JAWHAR, (2009). "Manual Pengurusan Tebus Pusaka," Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, 1-75.
- JAWHAR, (2021). "Manual Pengurusan Harta Luqatah," Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, 1-42.
- JAWHAR, (2024), "Penerbitan Manual Pengurusan JAWHAR", <https://e-penerbitan.jawhar.gov.my/manual-pengurusan/>
- Khalaf, Abdul Wahab. (1942) *Ilmu Usul al-Fiqh*, Maktabah Dakwah Islamiyyah.
- Mad Sukri, M. A. S., Nor Muhamad, N. H., & Hamdan, A. (2020). Pelaksanaan Perintah Harta Pusaka Waris Zawil Arham Di Baitulmal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 5(31), 100–113.
- Mahad Musa, Z. (2020). Agihan Faraid Melalui Kaedah Al-Radd (Pulangan Semula) Sebagai Mekanisme Kebajikan Waris Dan Amalan Di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 8(2), 1–14.
- MAIK, (2024), <https://maik.kedah.gov.my/index.php/baitulmal/#:~:text=Sumber%20Baitulmal,mana%20Dmana%20orang%20kepada%20Baitulmal.>
- MAINS, (2024), <https://www.mains.gov.my/v2/korporat/sejarah-mains>
- MAIS, (2024), "wang orang berhutang", <https://mais.gov.my/wang-orang-berhutang/>
- Mas'Ad Saleh, M. A., & Sharif@Hamzah, L. (2021). The Understanding of Ruling and Management of Luqatah (Lost Property) Among Usim Students. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 9(2), 66–74.
- Md Yazid Ahmad dan Iknor Azli Ibrahim, 2006. "Konsep Harta dari Perspektif Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Sivil: Satu Tinjauan." *Jurnal Pengajian Umum*, 7, 123-140.
- Mohamad, M. F., & Abdullah, M. M. (2022). Selected Proceedings from the 1st International Conference on Contemporary Islamic Studies (ICIS 2021). In Selected Proceedings from the 1st International Conference on Contemporary Islamic Studies (ICIS 2021). Springer Nature Singapore. page 105-116.
- Mohamad, M. Q., & Sulaiman, N. (2017). A comparative study on the management of Al-Mafqud real estate (AMRE) and Luqatah property (LP) in Malaysia. *Al Qimah Al Mudhafah The Journal of Management and Science (ALQIMAH)*, 1(1), 1-5.
- Mohd Arafat Bin Jaafar. (2017). Harta Yang Tidak Dituntut Dalam Islam Dan Undang-Undang Malaysia. In Universiti Teknologi Malaysia (Vol. 91).
- Mohd Kamarul Khaidzir Saadan et al., "Fatwa dan Bidang Kuasa Institusi-Institusi Pengurusan Harta Luqatah di Selangor," International Conference on Syariah & Law 2023 (ICONSIAL 2023) (Universiti Islam Selangor, 2023).
- Mohd Zamro Muda, Mohd Ridzuan Awang, Abdul Basir Mohamad, & Md. Yazid Ahmad. (2008). Pengantar Undang-Undang Dan Pentadbiran Pusaka, Wasiat Dan Wakaf Orang Islam Di Malaysia. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1-204.
- Muda, M.Z., Awang, M.R., & Abdul Majid, A. (2008), "Undang-undang Pusaka Islam: Pelaksanaan di Malaysia." Universiti Kebangsaan Malaysia, 1-254.
- Musa, Z. M. (2017). Kebajikan Waris Dhawi Al-Arham Sebagai Penerima Harta Pusaka Dan Cabaran Perlaksanaannya Di Malaysia. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 11, 1–12.

- Mustafa @ Busu, Z., Nik Din, N. M., Awang @ Ab Rahman, N. H., Noor Zain, N. I., Ismail, M. K. A., Zainal, N. S., Che Mat, C. B., & Mohd Firdaus Kozako, I. N. A. (2021). Pembentukan kerangka model pengurusan harta luqatah: Satu analisis pendekatan baru dalam menangani isu-isu harta yang tidak dituntut di institusi pengajian tinggi (IPT). *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 3(1), 1-8.
- Mustafa, Z., Nik Din, N. M., Awang, N. H., Noor Zain, N. I., Ismail, M. K. A., Zainal, N. S., & Che Mat, C. B. (2021). Pembentukan kerangka model pengurusan harta luqatah: Satu analisis pendekatan baru. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 3(1), 3-4.
- MyGovernment, 2024. <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/27679?language=my>
- Noordin, N. (2012). Unclaimed inheritance: the need to strengthen the process and amend the Federal Constitution. *Journal of Administrative Science*, 9(2), 143-160.
- Nor Azureen Ramli et al., *Tren Kutipan dan Penerimaan Harta Baitulmal: Kajian Kes di Selangor* (Kajang: KUIS & MAIS, 2014).
- Nor Muhamad, N.H. (2012). "*Wasiat & Wisayah dalam Perancangan Harta: Prinsip dan Amalan*." Penerbit UTM Press. 1-186.
- Saadani, M. K. K., Sarip, M., Ibrahim, M. R., & Isa, H. (2023). Fatwa dan bidang kuasa institusi-institusi pengurusan harta luqatah di Selangor. *International Conference on Syariah & Law (ICONSYAL 2023)*, 431-433.
- Sinar Harian, (2023), "RM500 juta tak dituntut", <https://www.sinarharian.com.my/article/628340/berita/nasional/rm500-juta-wang-pusaka-tunggu-dituntut-waris>
- Sinar Harian, 2024, "pindaan RUU Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024", <https://www.sinarharian.com.my/article/656711/berita/nasional/dewan-rakyat-luluskan-ruu-wang-tak-dituntut-pindaan-2024>
- Sulong, J. (2008). Kedudukan Mazhab Syafi'i Dalam Amalan Pembahagian Pusaka Dan Wasiat Islam Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 16(1), 163-183.
- Yazid Ahmad & Iknor Azli Ibrahim. (2006). Konsep Harta Menurut Perspektif Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Sivil : Satu Tinjauan. *Jurnal Pengajian Umum*, Bil.7, 123-138.
- Zanirah Mustafa @ Busua et al., "Pembentukan Kerangka Model Pengurusan Harta Luqatah: Satu Analisis Pendekatan Baru Dalam Menangani Isu-Isu Harta Yang Tidak Dituntut di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)," *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, vol. 3, no. 1 (2021): 1-8.